

25/11/2001

Remaja bandar berisiko tinggi alami masalah mental

KUALA LUMPUR: Satu daripada lima kanak-kanak dan remaja di negara ini mengalami masalah mental berikutan tekanan sosial dan bebanan hidup yang bertambah.

Pakar kesihatan mental Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Teoh Hsein Jin, berkata mengikut kajian, kebanyakan kanak-kanak dan remaja yang tinggal di kawasan bandar berisiko tinggi mengalami masalah mental.

Katanya, kehidupan moden menuntut kanak-kanak dan remaja bersaing dengan rakan sebaya dalam pelajaran menyebabkan golongan muda itu terdedah kepada tekanan sehingga menyebabkan penyakit mental.

"Hasil kajian mendapati, perubahan corak kehidupan kanak-kanak dan remaja serta hubungan kekeluargaan yang pincang adalah faktor yang mendedahkan generasi muda dengan tekanan mental," katanya pada sidang akhbar selepas Pelancaran Bengkel Kemjahiran Penyelesaian Masalah Remaja 2001 di Pusat Sains Negara, semalam.

Bengkel itu dilancarkan oleh Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir. Hadir sama, Pengarah Pusat Sains Negara, A Jayanath dan Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA), Dr Lee Aik Hoe.

Bengkel sehari yang dihadiri 90 remaja itu adalah anjuran bersama MMHA dengan MAM dan Pusat Sains Negara dan ditaja Kementerian Kesihatan. Ia diadakan bagi membantu remaja berusia 14 hingga 16 tahun meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran pada zaman remaja.

Katanya, hasil kajian mendapati empat masalah utama yang terpaksa dihadapi kanak-kanak dan remaja di negara ini iaitu bebanan akademik, komunikasi dengan ibu bapa, tekanan sosial dan pengaruh rakan sebaya.

Katanya, dalam kehidupan moden ini, ibu bapa jarang berkomunikasi dengan anak mereka terutama apabila anak memasuki sekolah menengah.

"Anak-anak semakin menjauhkan diri dengan ibu bapa dan mengikuti rakan sebaya. Ibu bapa pula berpendapat anak yang sudah memasuki sekolah menengah tidak memerlukan perhatian yang lebih.

"Selain itu, masalah komunikasi ibu bapa dengan anak yang tidak sesuai. Sebagai contoh, ibu bapa masih melayan anak remaja mereka seperti kanak-kanak. Ada juga ibu bapa yang lupa menukar corak komunikasi dengan anak remaja sehingga menimbulkan konflik," katanya.

Beliau berkata, bebanan akademik yang banyak juga menyebabkan remaja tertekan dan tidak dapat mengawal diri sehingga ada yang terjebak dengan penagihan dadah, merokok dan ketagihan alkohol.

(END)